




Ruj Tuan :
Ruj. Kami : KKM. 100-2/2/3 JLD. 4 (37)
Tarikh : 8 September 2021

YBhg. Tan Sri Dato' Seri Dr. Noor Hisham Bin Abdullah
Ketua Pengarah Kesihatan

Melalui :

YBhg. Datuk Dr. Chong Chee Kheong
Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam)


9/9.
DATUK DR. CHONG CHEE KHEONG
(MPM 26477)
Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan
(Kesihatan Awam)
Kementerian Kesihatan Malaysia

YBhg. Tan Sri,

**KENYATAAN AKHBAR KETUA PENGARAH KESIHATAN
MALAYSIA MENGENAI SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI, ZIKA
DAN CHIKUNGUNYA DI MALAYSIA**

Dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Bersama-sama ini dikemukakan Kenyataan Akhbar Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia berkenaan Situasi Semasa Demam Denggi, Zika dan Chikungunya di Malaysia bagi ME 35/2021 (29 Ogos hingga 4 September 2021) untuk persetujuan YBhg. Tan Sri.

Sekian, terima kasih.

“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,


(DATUK DR. NORHAYATI BT RUSLI)
Pengaroh Kawalan Penyakit
Kementerian Kesihatan Malaysia




KENYATAAN AKHBAR
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA
SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI, ZIKA DAN CHIKUNGUNYA DI
MALAYSIA

(Bagi Minggu 35/2021 dari 29 Ogos hingga 4 September 2021)

Pada minggu ke-35, kes Demam Denggi yang dilaporkan menunjukkan penurunan sebanyak 25 kes (7.0%), menjadikan jumlah kes 331 berbanding 356 kes pada minggu sebelumnya. Tiada kematian akibat komplikasi Demam Denggi dilaporkan pada minggu ke-35. Kumulatif kes Demam Denggi sehingga kini adalah sebanyak 18,219 kes berbanding 71,473 kes bagi tempoh sama tahun 2020 iaitu penurunan 74.5% (53,254 kes), manakala kumulatif kematian adalah sebanyak 10 kematian berbanding 116 kematian bagi tempoh sama tahun 2020 iaitu pengurangan 106 kematian (91.4%) **(Lampiran A & C)**. Jumlah lokaliti hotspot berkurang sebanyak (4) lokaliti menjadikan jumlah lokaliti hotspot pada minggu ke-35 sebanyak lima (5) lokaliti berbanding sembilan (9) lokaliti hotspot pada minggu sebelumnya. Kesemua lokaliti hotspot berada di Negeri Selangor. **(Lampiran B & D)**.

Sistem Survelan Chikungunya merekodkan sebanyak 28 kes pada minggu ke-35 yang mana 13 kes dari WPKL & Putrajaya, 11 kes dari Selangor, dua (2) kes dari Pulau Pinang dan masing-masing satu (1) kes dari Perak serta Johor. Jumlah kumulatif kes Chikungunya sehingga kini adalah 954 **(Lampiran E)**. Bagi survelan Zika, sebanyak 1,105 sampel darah dan 26 sampel urin telah dijalankan saringan Zika dan hasil kesemuanya adalah negatif.


Aktiviti pemusnahan tempat pembiakan Aedes serta melindungi diri dari gigitan nyamuk perlu diteruskan walaupun jumlah kes Demam Denggi rendah pada ketika ini. Sampah dan barang lusuh yang tidak terpakai perlu dilupuskan di tempat pembuangan sampah yang bertutup. Bubuhlah bahan pembunuh jentik-jentik di dalam bekas yang menakung air, contohnya pam tandas, kolah air, kolam hiasan dan sebagainya. Pastikan kediaman kita tidak menyediakan tempat yang berpotensi untuk Aedes membiak melalui aktiviti 'cari dan musnah' sekurang-kurangnya 10 minit seminggu. Masyarakat juga boleh memeriksa status kes dan wabak Denggi di kawasan kediaman melalui sistem iDengue di pautan <https://idengue.mysa.gov.my>. Cegah gigitan Aedes sebelum dijangkiti Demam Denggi. **Tiada Aedes, tiada Denggi, Chikungunya, dan Zika.**




TAN SRI DATO' SERI DR. NOOR HISHAM BIN ABDULLAH
Ketua Pengarah Kesihatan
Kementerian Kesihatan Malaysia
13 September 2021




Gambarajah 1: Perbandingan Kes dan Kematian Demam Denggi minggu ke- 34 dan ke- 35 tahun 2021



Gambarajah 2: Perbandingan Kes dan Kematian Demam Denggi sehingga minggu ke- 35 tahun 2021 dan tempoh sama tahun 2020



Gambarajah 3: Perbandingan tren kes Mingguan Demam Denggi Malaysia Tahun 2021, 2020 dan Median 2016-2020



Gambarajah 4: Jumlah lokaliti hotspot Denggi minggu ke-34 tahun 2021

BILANGAN KES DENGGI PADA MINGGU 35/2021
(29 Ogos hingga 4 September 2021)

Bil.	Negeri	Bilangan Kes dan Kematian Denggi dilaporkan				Kumulatif Kes Denggi sehingga ME 35/2021		Kumulatif Kes Denggi sehingga ME 35/2020	
		Minggu 35 (29 Ogos – 4 September 2021)		Minggu 34 (22 Ogos – 28 Ogos 2021)		Kes	Mati	Kes	Mati
		Kes	Mati	Kes	Mati				
1	Perlis	0	0	0	0	16	0	61	0
2	Kedah	4	0	6	0	376	0	655	0
3	P. Pinang	8	0	1	0	292	0	748	2
4	Perak	9	0	3	0	428	1	2,327	3
5	Selangor	217	0	266	0	10,797	2	36,712	34
6	WP KL & Putrajaya	39	0	30	0	2,123	1	8,236	7
7	N. Sembilan	6	0	11	0	415	1	2,260	8
8	Melaka	5	0	9	0	465	0	1,800	5
9	Johor	13	0	7	0	1,396	1	8,125	30
10	Pahang	8	0	5	0	331	1	2,248	6
11	Terengganu	0	0	0	0	31	0	312	0
12	Kelantan	5	0	1	0	146	0	3,420	5
13	Sarawak	3	0	4	0	274	0	1,286	2
14	Sabah	14	0	13	0	1,128	3	3,278	14
15	WP Labuan	0	0	0	0	4	0	5	0
	MALAYSIA	331	0	356	0	18,219	10	71,473	116

Lampiran D

**LOKALITI HOTSPOT PADA MINGGU 35/2021
(29 Ogos hingga 4 September 2021)**

NO	NEGERI	DAERAH	LOKALITI	BIL KES	TEMPOH WABAK (HARI)
1	SELANGOR	Petaling	E13. Tmn Perindustrian Sime UEP Subang (Jln TP)	27	81
2	SELANGOR	Petaling	E14. USJ 16 (Sri Tanjung)	18	66
3	SELANGOR	Petaling	E9. KT SS 2 (1) [Jln Ss 2/1-2/4, 2/4a,4b, 2/5-2/23, 2/25, 2/25a]	11	58
4	SELANGOR	Petaling	E17. Tmn Serdang Perdana (Fortune Park Apt) @ Suria Perdana	5	44
5	SELANGOR	Petaling	E4. Sek U16 (Denai Alam Teres F : Jln U16/61 - U16/65)	19	38

**PECAHAN KES CHIKUNGUNYA MENGIKUT DAERAH DAN NEGERI
SEHINGGA MINGGU EPID 35/2021 (4 September 2021)**

BIL	NEGERI	DAERAH	BIL KES (Daerah)	BIL KES (Negeri)
1.	Johor	Johor Bahru	17	95
		Kluang	1	
		Muar	5	
		Segamat	33	
		Tangkak	39	
2.	Kedah	Baling	4	122
		Kota Setar	1	
		Kuala Muda	90	
		Kulim	22	
		Langkawi	1	
		Sik	4	
3.	Kelantan	Bachok	1	25
		Gua Musang	1	
		Kota Bharu	7	
		Kuala Krai	3	
		Pasir Mas	1	
		Pasir Puteh	1	
		Tanah Merah	1	
		Tumpat	10	
4.	Melaka	Alor Gajah	4	27
		Jasin	1	
		Melaka Tengah	22	
5.	Negeri Sembilan	Seremban	4	4
6.	Perak	Kampar	1	178
		Kinta	10	
		Kuala Kangsar	30	
		Larut Matang & Selama	28	
		Manjung	109	
7.	Pulau Pinang	Barat Daya	31	48
		SP Selatan	1	
		SP Tengah	2	
		SP Utara	6	
		Timur Laut	8	
8.	Selangor	Gombak	44	157
		Hulu Langat	51	
		Hulu Selangor	1	
		Klang	50	

		Petaling	5	
		Sepang	6	
9.	WP Kuala Lumpur	Cheras	40	295
		Kepong	102	
		Lembah Pantai	39	
		Titiwangsa	114	
10.	Perlis	Kangar	3	3
JUMLAH KUMULATIF			954	